

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN
MD. RAMLI [LUMUT]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah terdapat usaha pihak Kementerian bagi memerdekakan golongan nelayan dari belunggu subsidi dan bantuan sara hidup.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan dan Agensi sentiasa berusaha untuk memerdekakan golongan nelayan dari belunggu subsidi dan bantuan sara hidup. Bagi tujuan ini, antara mekanisme dan program untuk meningkatkan pendapatan nelayan serta mengurangkan kebergantungan terhadap subsidi dan bantuan adalah seperti berikut:

- i. Program Pembangunan Akuakultur iaitu bantuan seperti peralatan, makanan serta pembekalan benih ternakan secara *in-kind* kepada nelayan yang menceburi ternakan akuakultur sebagai pendapatan sampingan;
- ii. Memperluaskan kaedah pemasaran ikan secara *online* melalui platform Shopee dan NEKMATBIZ, manakala pembinaan Pasar Nelayan untuk memberi peluang kepada nelayan memasarkan hasil tangkapan secara terus kepada pengguna;
- iii. Program My Komuniti Perikanan (MyKP) iaitu bantuan peralatan akuakultur, unjam, bantuan kabin, kiosk jualan ikan, alatan keselamatan nelayan dan alat pengendalian ikan yang disediakan kepada komuniti nelayan (secara berkelompok);
- iv. Bantuan pinjaman tanpa faedah melalui Dana Nelayan bagi pembelian bot *fiberglass*, kotak ikan berinsulasi atau peralatan penangkapan ikan yang berteknologi baru; dan
- v. Program Pembangunan Kumpulan Nelayan Belia dan Wanita (KUBINA dan KUNITA) yang menjalankan aktiviti pemprosesan makanan berasaskan perikanan, bantuan disediakan dalam bentuk modal, peralatan dan khidmat nasihat bagi memperkasakan sosio-ekonomi keluarga nelayan.

- vi. Program Sijil Kemahiran Malaysia (Perikanan Tangkapan) dan Program Sijil Perikanan di Kolej Perikanan Sultan Nazrin Shah bagi melahirkan tenaga kerja (belia) yang berkemahiran dan berdaya saing dalam bidang perikanan;
- vii. Program Usahawan Bimbingan melalui penyediaan khidmat nasihat dan latihan antaranya Kursus Pemprosesan Hasil Otoshimi; Persijilan MESTI dan Halal; Pembungkusan dan Penjenamaan; Kewangan dan Akaun; Bina Minda dan Transformasi Nelayan; dan
- viii. Di bawah RMKe-12, sebanyak RM150 juta telah diperuntukkan bagi Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan iaitu bantuan dalam bentuk pinjaman melalui Agrobank pada kadar 3.5% (*flat rate*). Program ini bertujuan untuk menggalakkan nelayan tradisional sampan bertukar kepada vesel fiber yang lebih moden dan selamat ataupun menukar peralatan menangkap ikan kepada peralatan yang moden dan mesra sumber.

Sekian, terima kasih.